

# Seri Paduka tegur tidak kan dititah

**DULI Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong malam ini membidas golongan tertentu yang melemparkan tuduhan bahawa masyarakat Islam di negara ini lebih mengutamakan kebendaan dari kerohanian.**

Titah Seri Paduka Baginda, dengan tuduhan sedemikian, golongan itu sebenarnya telah membuat fitnah kerana ia datang dari fikiran yang tidak bersih.

"Kita sering mendengar bahawa masyarakat kita lebih mengutamakan kebendaan dari kerohanian. Malangnya ada orang yang membuat tuduhan ini tidak mengambil-kira berbagai usaha untuk menghayati nilai-nilai rohaniah di dalam masyarakat kita."

"Banyak yang telah dibuat dan diusahakan supaya kita tidak taksub dengan kebendaan. Sebenarnya agama Islam tidak menuntut supaya kekayaan dan kesenangan di dunia dibelakangkan sama sekali."

"Yang dituntut oleh agama Islam ialah keseimbangan antara dunia dan akhirat".

Mereka yang mudah menuduh, bahawa masyarakat Islam di Malaysia cuma mengutamakan kebendaan sahaja sebenarnya sudah membuat fitnah," tegas Seri Paduka Baginda.

Yang di-Pertuan

## Pertandingan menghafaz Quran antarabangsa pula

**KUALA LUMPUR, Isnin** — Malaysia berancang untuk mengadakan pertandingan menghafaz Quran peringkat antarabangsa beberapa tahun lagi.

Pengerusi Pusat Musabaqah Membaca Quran, Datuk Seri Haji Kamaruddin Mat Isa berkata, pertandingan menghafaz Quran peringkat kebangsaan yang diadakan tiga tahun berturut-turut menunjukkan kemampuan peserta tempatan.

Di samping itu, Malay-

### K. LUMPUR, Isnin

Agong beritiah demikian sewaktu berangkat memramikan Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa ke-24 di Stadium Merdeka di sini. Upacara itu diartikan secara langsung oleh RTM.

### Disangkal

Musabaqah lima hari itu bertemakan "Keberanian Asas Kesempurnaan Iman".

Seri Paduka Baginda menambah, sementara tegaran perlu dibuat untuk mempertingkatkan lagi amalan yang sesuai dengan ajaran Islam, ia mestilah berlandas dan berasas kepada keendahan sebenar.

Menafikan sama sekali kebajikan yang dibuat oleh orang lain, kerana apa juga tujuan adalah tidak adil dan tidak baik di sisi agama Islam dan ia akan membawa kebu-

sia akan terus berusaha meningkatkan mutu kecairan dan menerapkan maksud Quran di Asean, Asia Pasifik dan Asia Barat.

Ketika berucap di Persidangan Hakim-Hakim Musabaqah Membaca Quran Peringkat Antarabangsa Ke-24 hari ini, Datuk Seri Haji Kamaruddin berkata, penghayatan Quran dalam kehidupan harian adalah penting supaya seseorang mendapat keedaran Allah di dunia dan akhirat.

kat Islam, (titah Seri Paduka Baginda.

"Dan ini sudah tentu ditegah oleh agama Islam. Allah Subhanahu Wata'ala. Ia tidak suka kepada orang yang menyebabkan kecacatan dalam masyarakat."

"Tuduhan dan buruk sangka ini tentulah datang dari fikiran yang tidak bersih."

"Ia tidak secocok dengan ajaran Islam supaya bersih dari segala fikiran yang kotor, lebih-lebih lagi di bulan Ramadhan yang mulia ini," tegas Seri Paduka Baginda.

Yang di-Pertuan Agong kemudian telah menguraikan dengan panjang lebar mengenai amalan kebersihan seperti yang dituntut oleh agama Islam sambil mengesah umat Islam supaya berpegang teguh kepadanya.

Menurut Seri Paduka Baginda, kebersihan yang dituntut oleh Islam tidak terhad kepada kebersihan jaman sahaja, tetapi hendaklah meliputi kebersihan fikiran dan tingkahlaku.

Yang di-Pertuan Agong juga berharap hubungan silaturahmi antara umat Islam akan dapat ditingkatkan melalui periceman antara wakil-wakil dari negara-negara Islam yang menyertai musabaqah itu.

"Semoga hubungan erat ini akan membentulkan perpaduan yang lebih erat antara umat Islam pada tahun-tahun akan datang," tambah Seri Paduka Baginda.

**TITAH UCAPAN PENUH DI MUKA 8**



**SERI Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong (tengah) berangkat tiba di upacara perasmian Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-24 di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur semalam.**

Gambar Berita Harian.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia